

# CosComm UPM lawat *Kosmo!* jalin kerjasama

**LAWATAN MUHIBBAH.** Seramai lapan wakil dari Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi(CoSComm), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan lawatan ke Jabatan Pengarang *Kosmo!* di Ibu Pejabat Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur semalam.

Pengarahnya, Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman berkata, lawatan tersebut bertujuan untuk memberi tanda sokongan kepada akhbar *Kosmo!* untuk meneruskan penerbitannya.

"Kita mahu bertukar pandangan dan berkongsi kepakaran. Kita faham apa kehendak media, jadi kita akan berikan

sumber-sumber yang berkepakaran. Kami akan sentiasa memberi kerjasama kepada pihak *Kosmo!* dari semasa ke semasa.

"Selain membeli iklan dan rencana iklan (advertorial) di dalam *Kosmo!*, kami juga akan terus menawarkan peluang kepada wartawan akhbar ini untuk membuat liputan secara eksklusif agar para pembaca memperoleh bahan bacaan yang lebih terkini dan menyeluruh tentang sesuatu perkara," jelasnya.

**PENGARANG *Kosmo!*, Lokman Othman (lima dari kiri) bergambar bersama delegasi dari CosSomm UPM diketuai Azmawani (kiri) di pejabat *Kosmo!* semalam.**

